

NO. SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR LEE BOON CHYE
[GOPENG]

TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)

Dr Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil untuk memulihkan nilai saham FGV (Felda Global Ventures Holdings Berhad) yang kehilangan nilai permodalan pasaran sebanyak RM 10 billion sejak disenaraikan di Bursa Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini FGV sedang melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan bagi mengukuhkan prestasi syarikat menerusi kepimpinan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Zakaria Arshad yang dilantik pada 1 Mac 2016.

Antara inisiatif yang berjaya dilaksanakan adalah mengurangkan kos pentadbiran yang melebihi daripada sasaran awal iaitu RM100 juta.

FGV juga telah mengambil langkah untuk menangguhkan sebarang penggabungan dan pengambilalihan (M&A) sepanjang tahun 2016 dan baru-baru ini juga FGV telah menamatkan rundingan pembelian saham PT Eagle High Plantation (EHP).

Pihak pengurusan FGV menjangkakan tahun 2017 akan mencatatkan prestasi yang lebih baik hasil daripada pelaksanaan beberapa inisiatif yang memberi kesan besar kepada operasi teras.

Pertama, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk melaksanakan rasionalisasi kumpulan secara menyeluruh bagi mengesan lebihan kapasiti

dan mengenal pasti faktor penggunaan (UF) beberapa aset teras. Inisiatif ini melibatkan penutupan empat (4) kilang sawit, dua (2) kilang pemprosesan getah dan sebuah kilang penapisan yang membolehkan penjimatan kos sebanyak RM13.5 juta. Disebabkan perubahan persekitaran perladangan sawit dan getah FGV, kilang-kilang berkenaan sudah kurang nilai ekonomi untuk diteruskan. Oleh itu, FGV menstrukturkan kilang kecil menjadi besar untuk skala ekonomi yang lebih baik. Dengan melakukan inisiatif ini, faktor purata penggunaan kilang sawit akan meningkat kepada 80% dalam jangka panjang.

Kedua, FGV menyelaraskan operasi teras kepada tiga (3) sektor utama iaitu Perladangan, Gula dan Logistik. Ini bagi meningkatkan fokus, ketelusan dan kebertanggungjawaban laporan oleh pihak pengurusan. Inisiatif ini juga akan meningkatkan sinergi menerusi rantai nilai sawit berintegrasi bagi bahagian hulu, pemprosesan dan aktiviti hiliran di bawah Sektor Perladangan. Inisiatif ini selari dengan Pelan Strategik FGV (SP20) yang menyasarkan keberkesanan operasi, mendalami rantai sawit dan meningkatkan pertumbuhan perniagaan bukan teras.

Pada tahun ini FGV menjangkakan perniagaan perladangan sawit akan pulih sepenuhnya daripada kesan El Nino dan peningkatan kawasan pokok matang hasil daripada tanam semula.

FGV menjangkakan tambahan pengeluaran BTS sebanyak 600,000 menjadikan jumlah keseluruhan pengeluaran BTS sebanyak 4.5 juta Metrik Tan pada tahun ini. Menjelang 2020, FGV dijangka akan mencapai pengeluaran BTS sebanyak 5.3 juta Metrik Tan setahun daripada ladang sedia ada, iaitu peningkatan sebanyak 36% daripada tahun 2016.

Berdasarkan inisiatif berkenaan, FGV yakin mampu mengukuhkan semula prestasi kewangannya sekaligus mengembalikan keyakinan pelabur terhadap Kumpulan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.